

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 10 OKTOBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan unjuran peratusan pengangguran sekiranya Kerajaan mengambil langkah pengecilan saiz perkhidmatan awam dengan pengurangan 5% berdasarkan Persidangan Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam 2019 dan juga menerima cadangan daripada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) untuk menaikkan umur persaraan kepada 65 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Akta Umur Persaraan Minimum 2012 (Akta 753) yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2013 ke atas semua majikan di seluruh Malaysia, menyatakan bahawa umur persaraan minimum seseorang pekerja adalah apabila seseorang pekerja itu mencapai umur 60 tahun. Ini bermakna seseorang pekerja itu masih boleh terus bekerja walaupun telah melebihi 60 tahun dan juga bergantung kepada tawaran pekerjaan oleh majikan. Oleh itu, memandangkan Akta 753 menetapkan umur persaraan minimum, maka tiada

SOALAN NO : 33

keperluan pada masa ini untuk meningkatkan umur persaraan kepada 65 tahun.

2. Cadangan meningkatkan had umur persaraan merupakan cadangan daripada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Kerajaan telah pun membuat keputusan bahawa had umur persaraan adalah kekal pada umur 60 tahun kepada sektor awam dan umur persaraan minimum bagi sektor swasta juga kekal pada 60 tahun.

3. Sekiranya had umur persaraan dinaikkan ke 65 tahun, berkemungkinan ia akan menjejaskan peluang pekerjaan terutamanya kepada golongan belia di mana seperti yang diketahui ketika ini kadar pengangguran belia di Malaysia ialah 10.9 peratus. Terdapat juga faktor-faktor yang boleh mempengaruhi produktiviti negara sekiranya umur bersara dinaikkan kepada 65 tahun, contohnya faktor-faktor kesihatan yang boleh menjejaskan keupayaan seseorang itu bekerja dan juga persekitaran kerja yang tidak sesuai bagi individu yang sudah berusia.